

Teks Ucapan

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP**

Sempena

**FESTIVAL NASYID KEMERDEKAAN IPTA PERINGKAT
KEBANGSAAN**

8 Oktober 2011, Dewan Capitol, Kangar

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Tuanku Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua berkenan meneruskan tradisi setiap tahun bercemar Duli berangkat hadir ke Majlis Perasmian Penutup Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA pada petang yang berbahagia ini.

Sesungguhnya, Patik dan seluruh warga UniMAP berasa amat berbangga atas keprihatinan Duli Tuanku Berdua yang senantiasa komited dan menyokong penuh dalam setiap aktiviti di universiti yang Tuanku naungi ini. Warga UniMAP berdoa moga Duli Tuanku Berdua dikurniakan kesihatan yang berpanjangan agar dapat terus menaungi Patik-patik sekalian sebagai Canselor dan Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis, dan Yang Berbahagia Puan Seri.

Yang Berhormat Datuk Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yg Bhg Datin,

Yang Berhormat, Datuk Azizan Bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yg. Bhg Datin

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Isteri,

Dif-Dif Kehormat,

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP, pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Pegawai-pegawai Pengiring dari IPTA yang mengambil bahagian, barisan juri-juri yang arif lagi bijaksana.

Wakil-wakil Media yang dihormati, para peserta Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA 2011 seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Sawadi Kharp

Alhamdulillah, bersyukur ke hadhrat Allah Subbaharu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan serta berkat kasih dan sayang-nya mengizinkan kita semua untuk berkumpul pada petang yang indah ini di Festival Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan 2011 bersamaan 1432 Hijriah dengan tema **‘Kesatuan Ummah Menjana Transformasi’**.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Ahlan Wasahlan Wa Marhaban Bikum” dan selamat datang kepada seluruh wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi Awam Negara (IPTA) ke Universiti Berdaya Saing – UniMAP yang terletak di negeri permai lagi mempesona, Perlis ini.

Saya percaya, pastinya ada antara anda yang pernah berkunjung ke sini sebelum ini – sama ada melancong atau menyertai pertandingan yang sama tahun lalu, dan saya yakin juga pasti ada antara anda yang baru pertama kali berkunjung ke negeri ini.

Sesungguhnya kami amat mengalu-alukan kehadiran semua peserta dan delegasi Festival Nasyid IPTA ke UniMAP ibarat kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan. Semoga kunjungan ini akan terpahat menjadi suatu kenangan yang indah untuk di kenang di kemudian hari.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dif-dif Kehormat yang telah sudi hadir memeriahkan Festival Nasyid yang pada tahun ini merupakan tahun kelapan penganjurannya. Semoga dengan kehadiran semua tetamu pada hari ini akan menyeri dan merapatkan lagi hubungan silaturahhim yang sejak sekian lama terjalin mesra di antara kita. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa Festival ini kerana telah bertungkus-lumus melakar idea, menyempurna kerja, menzahirkan upacara dalam memastikan program ini terlaksana dengan jayanya. Sesungguhnya hanya Allah SWT yang mampu menjalas jasa anda semua.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Jika diselusuri sejarah perkembangan muzik, bangsa Yunani dikatakan perintis dalam bidang ini. Namun begitu, setelah kedatangan Islam, orang-orang Islam telah memaju dan merancakkan lagi seni ini yang mana ia semakin berkembang pesat

pada zaman pemerintahan Kerajaan Abasiyyah. Kesannya, lahirlah ramai tokoh-tokoh terkemuka yang arif dalam bidang muzik seperti Al-Farabi dan Al-Kindi.

Manakala irama nasyid atau “insyad” dihasilkan daripada perkataan “nasyada” dan kemudiannya menjadi “ansyada” yang bermaksud berpuisi, bersajak, bersyair, mengalun suara atau berzikir. Sejarah membuktikan nasyid yang terulung pernah direkodkan semasa penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah iaitu nasyi “Tola’Al Badru”.

Dan, irama dan rentak kesenian nasyid sememangnya telah mendapat tempat di kalangan masyarakat Malaysia, khasnya golongan remaja dan mahasiswa. Ditambah pula dengan kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid kontemporari – memeriahkan lagi irama nasyid di negara kita. Lihat sahaja kejayaan yang diraih oleh Kumpulan nasyid Raihan, suatu ketika dahulu, yang mencatatkan jualan album sehingga 600,000 unit membuktikan irama ini diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Dan pastinya, kemeriahannya ini tidak hanya dipandang sipi oleh mahasiswa-mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pastinya ingin sama-sama merancakkan lagi irama nasyid ini.

Dan atas sebab itulah, dengan cetusan idea dari DYT Tuanku Canselor, UniMAP terus berdiri kukuh menganjurkan Festival

Nasyid Kemerdekaan IPTA buat kali kelapan tahun ini. Melalui penganjuran ini, adalah diharapkan ia mampu menjadi wahana untuk mengetengahkan bakat mahasiswa dalam bidang muzik dan pada masa sama mengeratkan tali silaturrahim. Tidak ketinggalan, festival ini juga diharap mampu menjadi platform untuk memberi kefahaman dan penghayatan Islam dan patriotism melalui irama nasyid. Insya Allah.

Saya juga percaya, penganjuran festival ini akan mampu meningkatkan daya saing dan potensi diri peserta untuk maju melalui seni budaya yang berterusan ke peringkat yang lebih tinggi. Ini secara tidak langsung akan membolehkan kita menyahut seruan kerajaan ke arah pembangunan sahsiah diri pelajar di kalangan mahasiswa IPTA di Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin berbicara panjang pada petang ini, justeru sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa yang terlibat menggembeleng tenaga dan usaha gigih yang berterusan dalam menggarap Idea, menyusun kerja bagi menjayakan festival ini. Saya juga mewakili UniMAP ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada wakil-wakil IPTA yang menyertai Festival ini andai terdapat salah dan silap mahupun kekurangan.

Adat pertandingan pastinya ada kalah dan menang – syabas kepada yang berjaya dan tahniah juga kepada yang tewas. Tahniah atas keberanian anda menyertai festival ini. Usahlah difikirkan tentang kekalahan, kerana apa yang pasti, objektif kita ialah mahu memartabat dan mengangkat irama nasyid kontemporari yang sarat dengan mesej positif. Semoga kita akan bertemu lagi di tahun hadapan. Insya Allah.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh Warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada Ke Bawah Duli Tuanku Berdua kerana telah sudi mencemar duli berangkat ke Festival Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan 2011.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.